AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

# Vaksin pneumokokal untuk kanak-kanak

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) bakal melaksanakan pemberian vaksin pneumokokal bawah Program Imunisasi Kebangsaan untuk kanak-kanak di semua Klinik Kesihatan KKM di seluruh negara bermula 1 Disember ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, vaksin pneumokokal konjugat (PCV) diberikan untuk mencegah penyakit disebabkan jangkitan bakteria *Streptococcus pneumoniae* atau pneumokokus yang boleh mengakibatkan penyakit radang paru-paru (pneumonia), radang sinus (sinusitis), jangkitan telinga tengah (otitis media), radang selaput otak dan saraf tunjang (meningitis) serta jangkitan bakteria dalam darah (septicaemia).

Katanya, komplikasi penyakit pneumokokal termasuk cacat pendengaran, kecacatan otak dan kematian.

"Pemberian vaksin pneumokokal kepada kanak-kanak bertujuan mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti akibat penyakit pneumokokal dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah lima tahun.

"Ini seterusnya mengurangkan kos rawatan penyakit pneumokokal dan komplikasinya. Walaupun penyakit pneumokokal boleh dirawat dengan antibiotik, ada beberapa strain bakteria pneumococcus yang mempunyai kerintangan terhadap antibiotik," katanya dalam kenyataan media, semalam.